

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU.

Bil. (11) dim. PTG.TR. 13/33/1 Jld.2

K.Terengganu 16 hb. Mei, 1982.
Bersamaan : 22 hb. Rejab, 1402.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Ulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 8/1982.

Merezabkan Tanah Untuk Tujuan Awam Di Bawah Akta Tanah (GSA) 1960.

Arahan ini adalah dikeluarkan bagi menjelaskan kekeliruan mengenai adakah sesuatu tanah yang telah diistiharkan sebagai rezab untuk sesuatu tujuan awam di bawah Seksyen 8, Akta Tanah (GSA) 1960 perlu lagi diistiharkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

2. Dalam hal ini, Yang Berhormat, Pensihtat Undang-Undang Negeri Terengganu telah memberi pandangan bahawa sesuatu tanah yang telah diistiharkan sebagai rezab untuk sesuatu tujuan awam di bawah Seksyen 8, Akta Tanah (GSA) 1960 tidaklah lagi perlu diistiharkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Tanah kerajaan yang dimaksudkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara ialah satu tanah kerajaan yang bebas daripada peruntukan Akta Tanah (GSA) 1960 itu, oleh kerana Seksyen 8, Akta Tanah (GSA) 1960 itu telah memperuntukan dengan khasnya akan perkara yang sama seperti yang dimaksudkan oleh Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Akta Tanah (GSA) 1960 tidak menetapkan dengan khususnya cara-cara untuk merezabkan tanah-tanah dalam kawasan penempatan beramai-ramai untuk sesuatu tujuan awam. Tetapi, hanya menerima pakai acara-acara yang ditentukan di bawah Kanun Tanah Negara. Tanah-tanah di bawah kawasan penempatan beramai-ramai di bawah Akta Tanah (GSA) 1960 adalah dengan khususnya diperuntukan perjalanan ke atasnya mengikut peruntukan-peruntukan Akta Tanah ((GSA) 1960 dan jika diperlukan supaya tanah-tanah sedemikian itu selepas diambil tindakan di bawah Seksyen 8, Akta Tanah (GSA) 1960 dan kemudiannya terpaksa diambil tindakan pula di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, perjalanannya adalah bertindih.

3. Oleh yang demikian, pandangan Yang Berhormat, Pensihtat Undang-Undang Negeri Terengganu di para 2 di atas, perlulah diikuti.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' LELA JASA)
Pengaroh Tanah Dan Gallan,
Terengganu.

S.K.
Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.